

ATUR CARA TENTATIF

10:00 pagi	Pendaftaran
10:30 pagi – 10:40 pagi	Ucapan alu-aluan pengerusi majlis
10:40 pagi – 12:30 pagi	Perkongsian Prof. Fransisco Budi Hardiman
12:30 pagi – 2.00 petang	Sesi perbincangan terbuka
2:00 petang	Penutup dan jamuan

Mengenai Siri Wacana KTDI KITA

Siri Wacana Kursi Tun Dr Ismail (SWKTDI) merupakan sebuah platform ilmiah yang menghimpunkan sarjana, penyelidik, pembuat dasar serta pihak berkepentingan dari dalam dan luar negara untuk membincangkan isu-isu berkaitan Malaysia dalam konteks global. Penganjuran wacana ini bertujuan memperkukuh jaringan kerjasama akademik antarabangsa, memperkaya pertukaran ilmu dan pengalaman, serta memperluas pemahaman tentang Malaysia dari pelbagai perspektif seperti sosial, politik, ekonomi, budaya dan pembangunan. Melalui sesi perbincangan, pembentangan kajian dan dialog strategik, inisiatif ini membantu mempromosikan kepakaran tempatan di pentas global, menyumbang kepada pembentukan wacana ilmiah yang lebih inklusif serta menyokong agenda pemeraksanaan penyelidikan Malaysia di peringkat antarabangsa.

SWKTDI 1/2026 adalah anjuran bersama Kursi Tun Dr. Ismail (KTDI) dan Global Malaysia Studies Network (GMSN), dua entiti di bawah Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Disclaimer: The views expressed in the (s) under the Siri Wacana KTDI KITA are those of the presenter(s) and do not necessarily represent the views of KTDI and KITA.



Siri Wacana KTDI Bil. 1/2026

Agama dalam Ruang Awam: Pengalaman Indonesia Pasca-Suharto

Penceramah:

Prof. Fransisco Budi Hardiman
Universitas Pelita Harapan (UPH), Lippo Village, Tangerang, Banten,
Indonesia

Tarikh: 23 Jun 2026 (Selasa)

Masa: 10.30 pagi – 2.00 petang

Tempat:

Bilik Mesyuarat KITA, Aras 4, Bangunan Pentadbiran Kolej Keris
Mas, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

**Seminar ini akan disiarkan secara dalam talian menerusi
platform berikut:**

Zoom & KITA Facebook Live

BIODATA PENCERAMAH



Catatan

Prof. Fransisco Budi Hardiman
Universitas Pelita Harapan (UPH), Lippo Village, Tangerang,
Banten, Indonesia

F. Budi Hardiman merupakan profesor di Universitas Pelita Harapan (UPH), dan sebelum ini pernah berkhidmat di Sekolah Tinggi Filsafat (STF) Driyarkara. Beliau memperoleh pendidikan di Hochschule für Philosophie, München dengan tesis berjudul *Masse und totalitäre Herrschaft: eine kritische Überprüfung der Texte von Georg Simmel, Hermann Broch, Elias Canetti und Hannah Arendt*. Sehingga ini beliau telahpun menulis 17 buku falsafah antara lain ialah, *Kritik-Ideologi* (1989), *Heidegger dan Mistik Keseharian* (2003), *Demokrasi Deliberatif* (2009), *Seni Memahami* (2015), *Aku Klik Maka Aku Ada* (2021), dan *Kebenaran dan Para Kritikusnya* (2023). Buku terkini beliau ialah *Tubuh yang Mengetahui: Belajar dari Fenomologi di Era Mesin Meniru Segalanya* (2026).